



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA

SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR

~~KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA~~ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.6(19)
Tarikh: 18 Disember 2014

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 16 TAHUN 2014**

**PENGANJURAN PROGRAM/AKTIVITI SUKAN TAHUNAN/KEJOHANAN
OLAHRAGA DI SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH DASAR SATU MURID
SATU SUKAN (1M1S)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum bahawa terdapat sekolah-sekolah yang mengalami kekangan dan masalah dalam melaksanakan program/ aktiviti sukan tahunan/ kejohanan olahraga di sekolah-sekolah seperti yang terkandung dalam **Jadual Pelaksanaan Program Sukan dan Permainan Sekolah Sepanjang Tahun** KP.BSSK.302-02/03/002(17) bertarikh 14 Januari 2010 dan **Penganjuran Program/ Aktiviti Sukan Tahunan/ Kejohanan Olahraga di Sekolah-sekolah** KP(BPSH-SPDK)201/005/02(38) bertarikh 19 Februari 2010.

2. Pelaksanaan sukan/permainan sepanjang tahun di sekolah masih berpandukan kepada **Jadual Pelaksanaan Program Sukan dan Permainan Sekolah Sepanjang Tahun**. Pelaksanaan aktiviti sukan juga adalah tertakluk kepada peruntukan masa minimum seminggu dan kekerapan perjumpaan dalam setahun seperti yang terkandung dalam **Buku Panduan Pelaksanaan Kokurikulum**.

3. Walau bagaimanapun, KPM memberi kelonggaran kepada sekolah dalam merancang dan melaksanakan program/aktiviti sukan tahunan/kejohanan olahraga mengikut kesesuaian masa. Perkara ini adalah selaras dengan **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 16, Tahun 2010: Pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan (1M1S)** bertarikh 1 Disember 2010, yang mewajibkan pihak sekolah melibatkan murid secara aktif dalam aktiviti sukan.

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Siaran ini, maka **surat Penganjuran Program/ Aktiviti Sukan Tahunan/ Kejohanan Olahraga di Sekolah-sekolah KP(BPSH-SPDK)201/005/02(38)** bertarikh 19 Februari 2010 adalah **dimansuhkan**.

5. Pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dimohon memaklumkan kandungan Surat Siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah kawalan pentadbiran YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k. :

1. YAB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Menteri Pendidikan Malaysia II
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia I
4. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
11. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
12. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
13. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia